

Rujukan Kami : JPE / BPP / 02

Yang Mulia :

Pelanggan-Pelanggan Yang Dihormati,

22^{hb} Januari 2020
26 Jamadilawal 1441H

Tuan / Puan,

PENGELUARAN SURAT PEMBELIAN METER KWH

Dengan segala hormatnya sukacita memaklumkan bahawa, bermula **Sabtu 01hb Februari 2020** bersamaan dengan **07 Jamadilakhir 1441H**, Jabatan Perkhidmatan Elektrik tidak lagi mengeluarkan surat bagi pembelian meter kWh kepada pelanggan-pelanggan. Reformasi pelaksanaan tatacara baharu berkenaan di buat adalah bagi memberikan kebebasan kepada pelanggan-pelanggan untuk membuat pembelian meter kWh apabila tiba waktunya di samping untuk memudahkan serta mempercepatkan lagi proses permohonan untuk mendapatkan bekalan api elektrik (GE).

Sehubungan dengan itu mengenainya, pelanggan-pelanggan bolehlah menguruskan sendiri pembelian meter kWh terus-menerus dari pembekal meter. Sukacita juga mengingatkan bahawa, Jabatan hanya akan menerima jenama dan jenis meter yang berdaftar dengan Jabatan serta di beli dari agen-agen pembekal yang berdaftar dengan Jabatan ini. Pelanggan-pelanggan juga adalah dinasihatkan berurusan terlebih dahulu dengan pemborong pendawaian elektrik berdaftar dengan Jabatan ini yang mereka lantik bagi pembelian meter yang betul. Dalam pada itu, resit asal beserta invoice pembelian meter lengkap dengan keterangan-keterangan mengenai jenis dan kapasiti meter beserta nombor serial meter, hendaklah dimuat-naik ke dalam sistem online Onebiz bersama-sama dengan dokumen-dokumen lainnya yang diperlukan semasa membuat permohonan bagi mendapatkan bekalan api elektrik. Resit pembelian meter yang dikeluarkan oleh agen pembekal yang berdaftar dengan Jabatan tidak mempunyai tarikh lupus (expiry date) dan boleh digunakan pada bila-bila masa selagi mana meter tersebut belum pernah digunakan dan masih berkeadaan baik serta jenama atau jenis meter tersebut masih lagi digunakan Jabatan ini.

Untuk sebarang keterangan lanjut dan pertanyaan, pelanggan-pelanggan bolehlah melayari laman sesawang Jabatan ini www.des.gov.bn atau menghubungi Pegawai-Pegawai Jabatan ini, Awang Haji Khairul Hasni Bin Haji Md Hassan pada talian bimbit 7191032 atau Awang Shahrinin Bin Haji Muhin pada talian bimbit 8618028.

'Bersatu Menjana Kemajuan Negara'
'Hargai Tenaga Kitani'

(AWANG ABDUL AZIZ BIN ABDULLAH)

Pemangku Pengarah,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Kementerian Tenaga,
Negara Brunei Darussalam